

Fakta
nombor

56 MANGSA

daripada 11 keluarga
di Segamat dipindah ke
empat pusat pemindahan

200 ORANG

daripada 59 keluarga
di Rompin diletakkan di
dua pusat pemindahan

Keadaan banjir di Kampung Kurnia Rompin selepas hujan lebat sejak seminggu lalu.

Segamat, Rompin dilanda banjir

→ Seramai 256 penduduk dari dua kawasan dipindah, APM bersiap sedia bantu mangsa

Oleh **Kandau Sidi, Badrul Kamal Zakaria dan Shahrinnahar Latib**
bnnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Kawasan di Johor dan Pahang yang dilanda banjir berikutan hujan berterusan sejak beberapa hari, menyaksikan ada penduduk yang mula ditempatkan di pusat pemindahan kelmarin, sementara di Sarawak penduduk Marudi yang menjadi mangsa banjir mula menerima bekalan makanan.

Di **Segamat, Johor**, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam

Sekitar Johor, Datuk Ayub Rahmat, berkata seramai 56 mangsa daripada 11 keluarga di daerah ini dipindahkan ke empat pusat pemindahan.

Katanya, antara kawasan yang terjejas ialah Kampung Melayu Raya, Kampung Pogoh Tengah, Kampung Jabi dan Kampung Seberang Batu Badak.

Paras air meningkat

"Semua mangsa ditempatkan di empat pusat pemindahan yang mula beroperasi sejak jam 10 malam kelmarin. Hujan juga menyebabkan paras air Sungai Segamat dan Buloh Kasap meningkat.

"Seramai 15 mangsa daripada lima keluarga ditempatkan di pusat pemindahan di Balai Raya Kampung Melayu Raya, manakala 15 mangsa daripada sebuah keluarga ditempatkan di Sekolah Agama Mukim Jabi.

"Selain itu, seramai 14 mangsa dipindahkan ke pusat pemindahan di Balai Raya Kampung Pogoh Tengah dan 12 mangsa lagi berlindung di Balai Raya Kampung Batu Badak, Segamat," katanya.

Ayub berkata, proses dan operasi pemindahan dilaksanakan Pejabat

Daerah Segamat dengan bantuan Angkatan Pertahanan Awam (APM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Di **Rompin, Pahang**, seramai 200 orang daripada 59 keluarga ditempatkan di dua pusat pemindahan sementara.

Pengarah APM Pahang, Zainal Yusof, berkata seramai 150 mangsa daripada 43 keluarga berada di Dewan Orang Ramai Kampung Setajam.

"Pusat pemindahan di Dewan Datuk Hassan, Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) Piangu pula menempatkan seramai 50 daripada 16 keluarga," katanya ketika dihubungi, semalam.

Katanya, keadaan banjir di Kampung Kasing dan Kampung Kurnia belum menunjukkan penurunan.

"Kita juga meletakkan anggota dan pegawai dalam keadaan bersiap sedia untuk melakukan lebih banyak pemindahan berikutan hujan yang masih berterusan," katanya.

Dapat bekalan makanan

Sementara itu di **Marudi, Sarawak**, seramai 720 mangsa terdiri daripada penduduk, guru dan pe-



Anggota APM melakukan pemantauan di rumah penduduk yang dinaiki air dalam kejadian banjir Kampung Melayu Raya, Segamat.



Anggota Bomba dan Penyelamat bersama ADUN Telang Usan, Dennis Ngau menyerahkan barang keperluan asas kepada penduduk dalam Misi Penghantaran Bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Pusat Khidmat PBB Telang Usan ke Long Aton, Baram Miri.

lajar di Long Aton, mula mendapat bekalan makanan yang dihantar menggunakan helikopter pagi semalam.

Ketua Jabatan Bomba dan Penyelamat Miri, Law Poh Kiong, berkata sejumlah 61 bungkusan makanan sdiagih kepada penduduk.

"Helikopter dari Unit Udara, Jabatan Bomba dan Penyelamat Sarawak, mula melakukan penerbangan ke Long Aton sekitar jam 9 pagi tanpa sebarang masalah," katanya.

Beliau berkata, turut menyertai misi penghantaran bekalan makanan ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Telang Usan, Dennis Ngau.

Mengenai keadaan banjir di Baram, katanya, seramai 21 penduduk dari tujuh keluarga dipindahkan ke Dewan Suarah, malam kelmarin.

"Penduduk berkenaan adalah dari rumah panjang Rh Adam, tidak jauh dari pekan Marudi," katanya.